

11 MAY 1996

Konvensyen - Agama (Bahas)

KERAJAAN DISARAN TUBUH SERETARIAT DAN JAWATANKUASA ISLAM

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Kerajaan hari ini disaran supaya menubuhkan sebuah sekretariat dan jawatankuasa di peringkat pusat bagi mengangkat martabat Islam di negara ini selaras dengan perjuangan Umno untuk menjamin pemerintahan demokrasi yang berteraskan Islam berterusan.

Wakil Umno Johor, Datuk Haji Abdul Kadir Anuar berkata Sekretariat Bertindak itu hendaklah dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara dengan Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri sebagai setiausaha manakala Jabatan Agama Islam Negeri-negeri sebagai anggotanya.

Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Agama pula hendaklah dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalan pengerusi, Ketua Setiausaha Negara sebagai setiausaha manakala anggotanya terdiri daripada Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri yang beragama Islam.

Abdul Kadir mengemukakan cadangan itu ketika membahaskan kertas kerja "Umno dalam Abad ke-21 - Agama" pada Konvensyen Ulangtahun ke-50 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Katanya, Sekretariat Bertindak itu bertanggungjawab untuk menyelaras dan menyeragamkan pentadbiran agama Islam di seluruh negara tanpa perlu meminda Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri.